



**RINGKASAN EKSEKUTIF**



# **PELAN INDUK INDUSTRI HALAL**

2030

*Ke Arah Halal Malaysia yang Menyerlah di Peringkat Global*



# PENGENALAN

Industri Halal pada hari ini adalah satu industri yang kukuh. Ia telah membuka pelbagai peluang baharu yang mencambah pembangunan ekonomi, dipengaruhi oleh peningkatan kesedaran di kalangan pengguna di seluruh dunia terhadap nilai yang dibawanya. Kini, pelbagai organisasi di peringkat antarabangsa telah mula menitik beratkan nilai Halal kerana ia serasi dengan usaha meningkatkan kesejahteraan sosial, melindungi alam sekitar dan juga etika perniagaan.

Malaysia, dengan ekosistem Halal yang kompleks dan komprehensif telah menetapkan satu tanda aras pembangunan standard dan proses perniagaan Halal bertaraf antarabangsa, sekaligus menjadi rujukan sebagai antara amalan terbaik yang berupaya meningkatkan penyertaan serta keupayaan peserta industri tempatan dalam pasaran Halal global.

**Pelan Induk Industri Halal 2030 (HIMP 2030)** akan memangkin kekuatan Nasional melalui satu agenda pembangunan industri Halal secara menyeluruh. Tema "**Ke Arah Halal Malaysia yang Menyerlah di Peringkat Global**" menggambarkan matlamat Malaysia untuk terus menerajui industri ini.

HIMP 2030 dicipta hasil dari analisis industri Halal di peringkat global dan domestik dalam menilai rangka kerja semasa berdasarkan konteks pengurusan dan pembangunan industri Halal di Malaysia. Pelan Induk ini menggariskan sektor dan bidang yang perlu diberi fokus, seterusnya mencadangkan strategi-strategi yang berupaya mencipta lebih banyak peluang perniagaan ke arah memaksimumkan potensi ekonomi Negara.

# AKRONIM

AIBIM	Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia
ASM	Akademi Sains Malaysia
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
DSM	Jabatan Standards Malaysia
EDA	Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi
FSQ	Bahagian Kualiti dan Keselamatan Makanan
HDC	Halal Industry Development Corporation
IPA	Agensi Promosi Pelaburan
JAIN	Jabatan Agama Islam Negeri
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
KDNK	Keluaran dalam negeri kasar
KIHIM	Konsortium Institut Halal IPT Malaysia
KPDNHEP	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
MAMPU	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MATRADE	Malaysia External Trade Development Corporation
MDEC	Malaysia Digital Economy Corporation
MIDA	Malaysia Investment Development Authority
MOA	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
MOE	Kementerian Pendidikan
MOHR	Kementerian Sumber Manusia
MPIH	Majlis Pembangunan Industri Halal
MTA	Persatuan Takaful Malaysia
MTDC	Malaysian Technology Development Corporation
NPRA	Bahagian Regulatori Farmasi Negara
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PNS	Perbadanan Nasional Berhad
PUNB	Perbadanan Usahawan Nasional Berhad
SC	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
SMECORP	SME Corporation Malaysia
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
TERAJU	Unit Peneraju Agenda Bumiputera



Industri Halal menggalakkan pertumbuhan sosio-ekonomi Negara. Oleh itu, usaha-usaha penambahbaikan tadbir urus, pembangunan kapasiti dan promosi perlu diperhebatkan

# KEPENTINGAN INDUSTRI HALAL

## Malaysia adalah Negara Pelopor Industri Halal

Mempunyai pengalaman lebih 40 tahun dalam membangunkan industri Halal

## Permintaan Domestik yang Semakin Meningkat

Malaysia masih merupakan "net importer" pelbagai produk termasuk produk Halal

## Potensi Industri Halal yang Besar di Peringkat Global

Masih terdapat 80% jurang antara permintaan dan pengeluaran produk Halal global

## Kepentingan kepada Rakyat


Industri Halal menyediakan peluang pekerjaan dan memberi perlindungan kepada pengguna dari segi keselamatan produk

## Kepentingan kepada Ekonomi

Halal memberi nilai tambah, menggalakkan perdagangan dan juga pelaburan


Menjelang 2030, pasaran Halal global dijangka mencecah USD5.0 trilion manakala, pasaran domestik pula dianggarkan mencecah USD113.2 bilion. Malaysia mempunyai ekosistem dan rangka kerja yang terbaik untuk memanfaatkan peluang ini

## PASARAN HALAL GLOBAL




Nota:





Anggaran berdasarkan potensi pasaran oleh pengguna Muslim sahaja. Pasaran sebenar adalah lebih besar sekiranya diambil kira potensi pasaran oleh pengguna bukan Islam.



# PASARAN HALAL MALAYSIA



## SEKTOR UTAMA



Nota:

Anggaran berdasarkan potensi pasaran oleh pengguna Muslim sahaja.

<sup>1</sup> Termasuk sektor yang berkaitan/baharu seperti *modest fashion*, peranti perubatan & pelancongan perubatan.

HIMP 2030 fokus kepada usaha memperkukuh ekosistem Halal di Malaysia dengan cara menyusun semula dan menambahbaik inisiatif sedia ada di samping memperkenalkan inisiatif baharu yang berimpak tinggi selaras dengan hala tuju Kerajaan

## EKOSISTEM HALAL MALAYSIA



Ekosistem industri Halal ialah rangkaian komponen yang terlibat di dalam kitaran pertumbuhan dan penyampaian produk atau perkhidmatan Halal yang menyumbang kepada keseluruhan pembangunan sosio-ekonomi. Setiap komponen di dalam ekosistem mempunyai aktiviti unik tersendiri yang saling berkaitan bagi meningkatkan kemampuan industri Halal.



Dengan asas yang telah dibina dengan kekuatan ekosistem Halal Malaysia yang sedia ada, matlamat utama HIMP 2030 adalah a realistik dan boleh dicapai







## KENAPA HIMP 2.0 DIBANGUNKAN?



## Pencapaian Terkini HIMP 1.0

Aspek Ekonomi Makro





7 Teras Strategik HIMP 2030 mensasarkan untuk menggalakkan tawaran industri Halal yang berkualiti, inovatif dan berdaya saing; membangunkan syarikat-syarikat tempatan yang berdaya saing; serta memacu peningkatan sosio-ekonomi yang lebih mampan, seimbang dan menyeluruh.

# RANGKA KERJA STRATEGIK HIMP 2030



Kesungguhan untuk melabur di dalam aktiviti inovasi boleh meletakkan industri Halal Malaysia ke sektor nilai lebih tinggi dengan terus melangkaui batas pengetahuan, meneroka sempadan baharu serta mempengaruhi trend pengguna.

## SEKTOR BAHARU

Peluang sektor baharu di dalam industri halal termasuklah sektor ekonomi baru yang semakin merangkul nilai Halal dalam operasi mereka.



**Modest Fashion**



**Pelancongan Perubatan**



**Peranti Perubatan**



Ketersediaan pemboleh utama yang menyokong pelaksanaan HIMP 2030 berjalan lancar



## KEBERHASILAN UTAMA



### Perkhidmatan Sistem Mampu Kesan (*Traceability*) Status Halal

Bagi memastikan produk Halal melalui rantai bekalan yang disahkan Halal sepenuhnya, untuk menggalakkan inovasi Halal melalui kemajuan teknologi seperti IR 4.0, IoT, *Blockchain*, *FinTech* dan Data raya.



### Pembangunan Modal Insan

Para profesional dan pakar Halal yang kompeten untuk meyakini pembangunan ekosistem Halal yang komprehensif di masa akan datang melalui penajaran Kerangka pekerjaan (*occupational framework*).



### Standard, Akreditasi dan Perkhidmatan Pensijilan

Perkhidmatan standard, akreditasi dan pensijilan yang mantap bagi memastikan integriti rantai bekalan Halal, selain memastikan kepercayaan dan keserasian industri global dengan pasaran baru Halal.



### Kewangan Islam

Kebolehcapaian sokongan kewangan untuk keseluruhan rantai bekalan Halal, menggalakkan dan mempromosikan peningkatan penyertaan industri halal melalui inovasi dan promosi struktur Islam hibrid. Merapatkan jurang antara pembiayaan kewangan Islam dan industri Halal adalah komponen utama untuk mencapai amalan patuh Halal dan syariah yang menyeluruh di seluruh rantai bekalan.




### Perkhidmatan Logistik

Perkhidmatan logistik yang khusus, bermula daripada pemilihan sumber bahan mentah sehingga pengguna (*farm-to-fork*) untuk mengelakkan pencemaran silang. Secara tidak langsung, keselamatan dan kualiti produk yang disahkan Halal adalah terjamin.

5 inisiatif "Super Catalytic" telah dikenalpasti daripada keseluruhan 42 inisiatif dalam HIMP 2030. Inisiatif-inisiatif ini berskala besar, bersifat memangkin, menggalak keterlibatan menyeluruh dari peserta industri sekaligus memberi impak langsung kepada pertumbuhan industri Halal

## INISIATIF "SUPER CATALYTIC" HIMP 2030



Penerima Manfaat :


LLC/MNC

SME

MICRO

Majlis Pembangunan Industri Halal (MPIH) berperanan untuk menambah baik struktur tadbir urus dalam pembangunan industri Halal dengan berpaksi kepada empat bidang keberhasilan utama. 1: Dasar Formulasi Strategi dan Pemantauan; 2: Pengkayaan Pensijilan dan Penguatkuasaan; 3: Pembangunan Standard dan Keupayaan Mampu Kesan (Traceability); 4: Pembangunan Industri dan Pembudayaan Keusahawanan.

# MAJLIS PEMBANGUNAN INDUSTRI HALAL



HIMP 2030 menasarkan 4 bidang keberhasilan utama iaitu pengukuhan industri domestik, suasana mesra pelabur, penyertaan peserta industri yang lebih kompetitif dan pengantarabangsaan agenda Halal Malaysia

## PETUNJUK PRESTASI HIMP 2.0

Sumbangan Industri Halal Kepada Keseluruhan KDNK

2018








~7.4%  
KDNK  
(RM 107 bil)

2030




~11%  
KDNK  
(RM 266 bil)

Indikator KDNK	2018	2020	2025	2030
 Pelaburan ke dalam Taman Halal HALMAS		Fasa 1a	Fasa 1b	Fasa 2
	RM 13.9 bil	RM 15.3 bil	RM 19.6 bil	RM 25.0 bil
 Nilai Tambah		Fasa 1a	Fasa 1b	Fasa 2
	RM 59.7 bil	RM 76.0 bil	RM 126 bil	RM 171 bil
 Eksport Halal		Fasa 1a	Fasa 1b	Fasa 2
	RM 40 bil	RM 46 bil	RM 56 bil	RM 70 bil

Indikator Produktiviti	2018	2020	2025	2030
 Pendapatan Industri Melalui Perniagaan Halal		Fasa 1a	Fasa 1b	Fasa 2
	RM 275 bil	RM 335 bil	RM 497 bil	RM 684 bil
 Peluang Pekerjaan		Fasa 1a	Fasa 1b	Fasa 2
	0.35 mil	0.41 mil	0.56 mil	0.71 mil

Teknologi baharu yang pesat membangun seperti teknologi kewangan (Fintech), *Internet of Things* (IoT), Data Raya, *Blockchain* dan Industri 4.0 mempunyai potensi besar untuk terus meningkatkan kemampuan industri Halal di Malaysia.

## MEGATREND - ASPIRASI MASA HADAPAN INDUSTRI HALAL



### Manfaat kepada industri Halal Malaysia

Peningkatan sistem mampu kesan (traceability), kesahihan, dan ketelusan produk, perkhidmatan dan proses yang berstatus Halal sepanjang rantaian bekalan.

Pengurusan pencemaran dan punca bahaya yang lebih baik

Pengeluaran produk yang lebih optimum

Adaptasi yang lebih cepat terhadap perubahan ragam dan gelagat pengguna

Integrasi rantaian bekalan yang lebih baik dan pantas untuk penghantaran produk dan bahan mentah



**Kementerian Hal Ehwat Ekonomi**

Persiaran Sultan Sallahuddin Abdul Aziz Shah, Presint 1,  
62000 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya



Halal Industry  
Development Corporation

**Halal Development Corporation (HDC) Berhad**

5.02, Level 5, KPMG Tower, First Avenue, Persiaran Bandar Utama, 47800 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tel : 5555 7965 - 603+ Fax : 5500 7965 - 603+

[www.hdcglobal.com](http://www.hdcglobal.com)